

TEMA 2 : SISTEM PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN ISLAM

PELAJARAN 3 : SISTEM PERUNDANGAN ISLAM

BAHAGIAN A

Arahan : Jawab semua soalan .

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan

Soalan 1 hingga Soalan 4

Bil	Penerangan	Istilah
1.	Hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia yang meliputi akidah, ibadat , akhlak, muamalat, munakahat dan jenayah demi kebahagiaan di dunia dan akhirat.	
2.	Salah satu sumber utama Perundangan Islam yang bermaksud kesepakatan para ulama dalam menetapkan suatu hukum berasaskan al Quran dan Hadis.	
3.	Perbuatan menyekutukan Allah SWT dalam sebarang bentuk sama ada melalui perbuatan, perkataan dan iktikad.	
4.	Bermaksud menyamakan suatu perkara yang tidak ada nas tentang hukumnya dengan suatu perkara yang ada nas tentang hukumnya kerana bersamaan illah.	

Soalan 5 hingga Soalan 10

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

- Salah satu asas di dalam sistem perundangan Islam ialah..... iaitu memberi amaran kepada mereka yang berniat untuk melakukan kesalahan.
- Sistem perundangan Islam sesuai untuk semua manusia tanpa mengira tempat dan zaman.
- Antara ciri keunggulan sistem perundangan Islam ialah iaitu merangkumi semua aspek kehidupan manusia.
- Sistem perundangan Islam mempunyai matlamat.
- Cara Islam memelihara adalah dengan cara melarang perbuatan syirik agar akidah terpelihara.
- Islam melarang perbuatan zina, liwat, lesbian dan gay kerana boleh merosakkan

MODUL IN-TIME TASAWWUR ISLAM KSSM

Soalan 11 hingga Soalan 12 berdasarkan rajah 1 di bawah.
Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

Rajah 1 merupakan asas sistem perundangan Islam



11. R ialah :

12. H ialah :

Soalan 13 hingga Soalan 16 berdasarkan jadual di bawah.
Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.
Jadual di bawah merupakan keunggulan sistem perundangan Islam.

Ciptaan Allah SWT
H
Hukuman yang adil
I
Bersifat tetap dan kekal hingga kiamat tanpa berlaku perubahan
J
K

13. H ialah :

14. I ialah :

15. J ialah :

16. K ialah :

MODUL IN-TIME TASAWWUR ISLAM KSSM

Soalan 17 hingga Soalan 25

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- | | |
|---|----------------------|
| 17. Melarang perbuatan bunuh diri dan pensyariatan hukum qisas adalah cara Islam memelihara agama | <input type="text"/> |
| 18. Matlamat perundangan Islam terdiri daripada 5 perkara. | <input type="text"/> |
| 19. Salah satu kesan pelaksanaan sistem perundangan Islam ialah wujudnya sistem ekonomi yang haram seperti riba dan rasuah | <input type="text"/> |
| 20. Menjamin keselamatan diri daripada perbuatan yang membahayakan nyawa merupakan salah satu kepentingan pelaksanaan sistem perundangan Islam dalam kehidupan. | <input type="text"/> |
| 21. Memakan makanan yang halal akan membentuk akal fikiran dan minda yang cerdas | <input type="text"/> |
| 22. Mempelajari ilmu agama akan menggalakkan kita melakukan perkara yang merosakkan akidah | <input type="text"/> |
| 23. Islam mensyariatkan hukuman sebat 80 kali bagi peminum arak supaya timbul keinsafan | <input type="text"/> |
| 24. Sistem perundangan Islam sesuai untuk semua manusia tanpa mengira kaum, tempat dan zaman | <input type="text"/> |
| 25. Sumber perundangan Islam adalah Al Quran, Al Hadis, Al Ijtihad dan Al Ijmak | <input type="text"/> |

MODUL IN-TIME TASAWWUR ISLAM KSSM

Soalan 26 hingga Soalan 30 berdasarkan jadual di bawah.
Padankan pernyataan berikut.

Jadual di bawah merupakan matlamat perundangan Islam

26. Menyuruh umatnya patuh kepada perintah Allah SWT supaya hidup diberkati	Memelihara nyawa
27. Mensyariatkan hukum qisas kepada pembunuh supaya wujud keadilan	Memelihara Akal
28. Menyuruh umatnya menuntut ilmu supaya pemikiran berkembang	Memelihara Keturunan
29. Mensyariatkan perkahwinan untuk melahirkan zuriat yang sah	Memelihara Harta
30. Menggariskan peraturan pemilikan harta supaya harta dimiliki secara halal dan sah	Memelihara Agama

